

Enam tindakan diambil tingkatan kemahiran, pendapatan

Utusan Malaysia
Isnin, 2 Mei 2016

Perkasakan golongan pekerja

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 MEI

DATUK Seri Najib Tun Razak mengumumkan enam tindakan yang sedang dilaksanakan kerajaan bagi memperkasakan golongan pekerja sebagai penggerak ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, semua tindakan berkenaan adalah selaras dengan matlamat untuk memupuk budaya kerja kreatif dan inovatif, berani keluar daripada kepompong lama serta pantas bertindak terhadap perubahan terkini.

Menurut beliau, tindakan pertama iaitu mentransformasi mekanisme permintaan dan penawaran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) mampu menyumbang kepada usaha memenuhi 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan baharu yang memerlukan kelayakan dalam bidang tersebut menjelang 2020.

"Antara langkah terbaharu kerajaan termasuk pengiktirafan kelayakan kemahiran dalam skim-skim perkhidmatan awam khususnya bagi Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran," katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2016 di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem; timbalannya, Datuk Seri Ismail Abdul Muttalib; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Presiden Kongres Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda.

Sambutan itu dimeriahkan dengan penyertaan lebih 7,000 warga kerja melibatkan 300 kontinjen mewakili jabatan kerajaan, sektor swasta dan kesatuan sekerja yang



NAJIB TUN RAZAK melihat buku pelan induk keselamatan dan kesihatan pekerja semasa majlis sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2016 di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam. Turut serta Richard Riot Jaem (tiga dari kanan), Ismail Abdul Muttalib (empat dari kanan) dan Ali Hamsa (kanan). - UTUSAN/MOHD SHAHARANI SAIBI

mewakili 14 juta tenaga kerja di negara ini.

Najib menambah, melalui tindakan kedua iaitu meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada, kerajaan akan terus menyediakan kemudahan pinjaman kepada pekerja yang berhasrat mempertingkatkan kemahiran masing-masing.

Beliau memberitahu, kemudahan pinjaman turut disediakan termasuk melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Pekerja (PTPK) pada kadar antara RM750 hingga RM24,000.

Berhubung tindakan ketiga, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan sedang menambah baik undang-undang perburuhan dan amalan perhubungan perusahaan termasuk melalui pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

"Dengan termeterainya TPPA,

kerajaan akan memberi lebih autonomi kepada perjalanan dan pentadbiran kesatuan pekerja di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, langkah menambah baik gaji, produktiviti dan pengagihan pendapatan digariskan menerusi tindakan keempat.

"Kerajaan menjangka agihan pendapatan yang lebih adil antara pemilik modal dan pekerja susulan daripada pematuhan gaji minimum yang lebih menyeluruh, penambahbaikan produktiviti, pelaksanaan program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPL) serta penambahbaikan gaji siswazah TVET.

"Langkah-langkah ini dijangka menyumbang kepada peningkatan gaji penengah bulanan daripada RM1,575 pada 2014 kepada RM2,500 pada 2020," jelasnya.

Menurut Najib, tindakan kelima bertujuan memperkasakan jaringan keselamatan sosial melalui pelaksanaan aplikasi mudah alih i-Perkeso dan cadangan pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

Beliau memberitahu, tindakan keenam pula adalah membudayakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP) 2016-2020.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas merasmikan acara tersebut berkata, butiran tentang pelaksanaan SIP akan diumumkan selepas proses perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan selesai.

Beliau menjelaskan, inisiatif itu merupakan perkongsian tanggungjawab antara majikan dan pekerja.

info

- > Mentransformasi mekanisme permintaan dan penawaran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).
- > Meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada.
- > Menambah baik undang-undang perburuhan dan amalan perhubungan perusahaan.
- > Menambah baik gaji, produktiviti dan pengagihan pendapatan digariskan menerusi tindakan keempat.
- > Memperkasakan jaringan keselamatan sosial.
- > Membudayakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.